

25 JAN 2001

Pahang-UAE

PAHANG PELAWA PELABUR DARI UAE

Oleh: Shakir Husain

DUBAI, 25 Jan (Bernama) -- Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob telah mempelawa para pelabur dari Emiriyah Arab Bersatu (UAE) untuk mengambil kesempatan daripada peluang-peluang perniagaan yang wujud di negeri itu.

Adnan, yang mengetuai rombongan 13 pegawai kanan dari Malaysia, memberitahu satu perjumpaan dengan lebih 100 usahawan dan syarikat pelancongan di sini Rabu bahawa Pahang mempunyai satu persekitaran yang ideal untuk mewujudkan industri.

"Perdagangan, pelancongan, perbankan Islam dan teknologi maklumat adalah empat bidang utama yang sesuai untuk pelabur UAE," katanya.

Beliau berkata Malaysia telah pulih daripada kelembapan ekonomi pada 1997 dan pemulihan itu dapat dilakukan berikutan pengenalan dasar kawalan modal terpilih oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membanteras aktiviti spekulator matawang.

Adnan berkata usaha Dubai ke arah menjadi sebuah pusat teknologi maklumat serantau memberi peluang kepada ahli perniagaan Malaysia dan UAE untuk menjalin kerjasama dalam bidang IT.

Dubai telah melancarkan projek mega bernilai berjuta dolar seperti Bandar raya Media Dubai dan Bandar raya Internet dalam usaha mewujudkan sebuah pusat IT.

Ketika ditanya sama ada seorang penaja atau rakan kongsi tempatan diperlukan sebagai syarat untuk mewujudkan perniagaan di negeri itu, Adnan berkata pihaknya tidak menetapkan sebarang syarat.

Adnan berkata pelabur asing bebas untuk menjalankan perniagaan mereka tanpa halangan dan pihak berkuasa akan berjanji untuk memberi segala bantuan yang diperlukan.

Beliau juga mengadakan perbincangan dengan dewan perniagaan dan perindustrian di Sharjah dan Dubai, dan memberi taklimat kepada para pegawai mengenai usaha negeri itu ke arah mencapai status negeri perindustrian.

Pada Sabtu, beliau akan bertemu para pegawai di Abu Dhabi.

-- BERNAMA

SKH AZZ AKD